

# Pelajar baru wajar bangga lanjut pelajaran di UMS

UB 12.09.2012 B4

**P**ELAJAR-pelajar baru Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) dinasihatkan supaya sentiasa menghormati adat dan budaya masyarakat tempatan seperti bahasa, tingkah laku, makanan dan pakaian sesuai dengan pepatah Melayu 'Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunung'.

Naib Canselor UMS, Prof Dr Mohd Harun Abdullah berkata pelajar wajar menjaga disiplin ketika berurusan dengan jabatan dan agensi kerajaan serta masyarakat setempat sesuai dengan kedudukan mereka sebagai pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Katanya, kehadiran mereka dari Sabah, Sarawak, Semenanjung bersama pelajar antarabangsa telah mewujudkan suasana lebih global dan global sesuai dengan hasrat UMS untuk menjadi universiti bertaraf antarabangsa.

Beliau berkata, inilah masyarakat yang paling sesuai untuk pelajar baru mengenali dan mempelajari adat budaya masyarakat tempatan selaras dengan konsep 1Malaysia yang menekankan kepentingan persefahaman dan perpaduan serta integrasi nasional.

"Selama tiga tahun, pelajar perlu mengambil peluang untuk mengenali adat budaya masyarakat tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Beliau berkata demikian pada



**SHARIFF dan Ismail bergambar kenangan bersama Pembimbing Suai Mesra Sesi 2012/2013.**

Majlis Penutupan Minggu Suai Mesra (MSM) Sesi Akademik 2012/2013 dan Majlis Hari Raya Aidilfitri peringkat UMS-KAL di Dewan Utama UMS-KAL, malam Sabtu lalu.

Teksucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang.

Turut hadir Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim merangkap Pengarah MSM 2012/2013, Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya



**SHARIFF menerima cenderamata daripada Ismail (kiri) sambil diperhatikan Ag Asri (kanan).**

Dr Syed Nasirin Syed Zainal Abidin dan Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah.

Minggu Suai Mesra merupakan suatu proses transisi yang dialami oleh pelajar-pelajar baru Universiti Malaysia Sabah. Sepanjang minggu lalu, mereka diperkenalkan dengan barisan Pegawai Utama Universiti,

Ahli-ahli Senat Universiti serta barisan kepimpinan pelajar UMS.

Selain itu, mereka diperkenalkan dengan gaya hidup di universiti ini, disiplin diri termasuk pemakaian pakaian yang sopan di samping penekanan terhadap pengurusan masa diterapkan kepada pelajar yang akan memulakan kehidupan sebagai warga UMS.

Harun berkata, pelajar juga merupakan duta kecil untuk memperkenalkan UMS ke peringkat antarabangsa di samping negeri kelahiran anda sebagai destinasi pelancongan yang wajar dikunjungi.

Katanya, pelajar harus berbangga dapat melanjutkan pelajaran tinggi mereka di UMS termasuk UMS Labuan yang menyajikan bidang pengajian dan program yang mendapat tempat di pasaran kerja selepas mereka menamatkan pengajian tiga tahun akan datang.

Harun turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa Minggu Suai Mesra kerana telah berjaya menganjurkan Minggu Suai Mesra Sesi 2012/2013 dengan jayanya.

Beliau bersama pengurusan UMS akan sentiasa menyokong penuh penglibatan siswa-siswi dalam program-program yang mampu memberi impak kepada pembangunan pelajar seperti Bakti Siswa yang membantu masyarakat setenpat selain memperolehi keputusan akademik yang cemerlang.



**PERSEMBAHAN teater oleh Pembimbing Suai Mesra (PSM) berjaya menghiburkan tetamu dan pelajar.**



**KAKITANGAN Bahagian Pentadbiran menunjukkan kuih-muih yang dihidangkan pada Majlis Hari Raya Aidilfitri.**